

PERKHIDMATAN YANG DI BERI OLEH JURURAWAT

1. PENAKSIRAN KESIHATAN


- Aktiviti kehidupan harian
- Penelanan dan pemakanan
- Penjagaan “bladder”
- Penjagaan “bowel”
- Pergerakan pesakit
- Proses pemikiran dan pemahaman

2. PENJAGAAN KESIHATAN DAN KAUNSELING

- Pencegahan Kudis Tekanan
- Pencegahan Dari Jatuh
- Pemakanan
- Senaman
- Penjagaan Kebersihan Diri
- Penjagaan Kaki

3. PELAN DISCAJ MEMSATIKAN RUJUKAN

- Pegawai Kebajikan Perubatan
- Pegawai Dietetik
- Perawatan Di Rumah
- Pakar Penjagaan Kaki
- Kaunseling Diabetis



UNIVERSITI MALAYA **WAD GERIATRIK** (WAD 13U)

PUSAT PERUBATAN UM



PUSAT PERUBATAN **UNIVERSITI MALAYA**

Disediakan Oleh:

Wad 13U

Tel : 03-79492758/ 3727

Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi

Perkembangan Kejururawatan

Tingkat 8, Menara Utama

Pusat Perubatan Universiti Malaya

59100 Kuala Lumpur

Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412

Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2011

PENGENALAN

Unit Geriatrik Pusat Perubatan Universiti Malaya dibuka pada 1 Mac 1999 dan memberi rawatan kepada pesakit yang berusia melebihi 65 tahun. Unit ini menyediakan perawatan geriatrik secara menyeluruh, meliputi perawatan akut dan perawatan pemulihan dengan perancangan jangka masa panjang, di mana pesakit berusia boleh mengatasi dan menghadapi kehidupan mereka di rumah.

Wad Geriatrik terbahagi kepada 2 bahagian. 30 buah katil di khaskan untuk pengambilan pesakit akut dan subakut, 24 buah katil lagi dikhaskan untuk perawatan pesakit pemulihan.

Unit ini mengamalkan pendekatan pelbagai disiplin di mana rawatan di beri oleh satu pasukan professional yang terdiri dari:

- ▶ Pakar Geriatrik
- ▶ Pegawai Perubatan
- ▶ Pakar Jururawat Klinikal (Geriatrik)
- ▶ Jururawat Terlatih
- ▶ Jurupulih Perubatan Anggota
- ▶ Jurupulih Perubatan Cara Kerja
- ▶ Pegawai Dietetik
- ▶ Pegawai Kebajikan Perubatan
- ▶ Jurupulih Perubatan Pertuturan
- ▶ Pembantu Wad

Ahli keluarga digalakkan turut mengambil bahagian dalam proses rawatan dan pemulihan, malahan merupakan ahli pasukan yang amat penting.



FALSAFAH

- ◆ Kami berusaha mencapai matlamat untuk memperbaiki kecekapan dan pencapaian dari segi fizikal, intelektual, emosi dan aktiviti harian supaya setiap pesakit warga tua dapat berdikari kepada tahap yang sesuai dengan umur dan keupayaan.
- ◆ Kami sedar akan betapa pentingnya mengujudkan hubungan rapat dengan pesakit, penjaga dan keluarga supaya pesakit mendapat perawatan yang berkualiti.



OBJEKTIF

- ◆ Menyediakan khidmat rawatan geriatrik yang menyeluruh dan komprehensif daripada aspek pembangunan, pencegahan dan pemulihan,
- ◆ Melibatkan keluarga untuk mengoptimalkan rawatan dan penjagaan wargatua,
- ◆ Memaksimumkan keupayaan berdikari wargatua supaya dapat kembali semula kepada komuniti,
- ◆ Menjalankan program pembelajaran dan penyelidikan yang berkaitan dengan perawatan geriatrik dipelbagai disiplin.

